

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU  
ANAK BADAK  
[LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 16.3.2016 (RABU)**

**NO. SOALAN : 57**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan agensi mana sebenarnya yang bertanggungjawab yang memantau dan mengawasi pelaksanaan projek bekalan elektrik luar Bandar serta memastikan pihak kontraktor melaksanakan projek mengikut spesifikasi dan jadual siap projek yang ditetapkan oleh Kementerian.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semua projek-projek bekalan elektrik luar Bandar merupakan projek di bawah KKLW dengan menggunakan peruntukan pembangunan. Kesemua projek pembekalan elektrik akan dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik dan dipantau oleh Bahagian Teknikal serta Bahagian Infrastruktur, KKLW.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, semua projek yang telah siap akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Elektrik Negeri iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung Malaysia, Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) di negeri Sabah dan Syarikat SESCO Berhad (SESCO) di negeri Sarawak.